



- |  |
|--|
| <p><b>1. KETUA PEMBANTU TEKNIK<br/>JABATANARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA<br/>KEMENTERIAN PERTAHANAN<br/>C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)<br/>KEKOSONGAN=2</b></p> |
|--|

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Awam dan Bangunan / Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal / Ukur Bahan atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut di atas adalah kelebihan.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan sebagai Pembantu Teknik Kanan atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Pembantu Teknik Kanan atau Jawatan bersesuaian dalam Tanggagaji C.2 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 6 tahun.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KETUA PEMBANTU TEKNIK:**

1. Mengawasi kerja-kerja projek pembangunan dan pemeliharaan.
2. Menyediakan dokumen tawaran termasuk merekabentuk (jika diperlukan)
3. Menyemak tuntutan pembayaran termasuk penyediaan sijil pembayaran.
4. Pengurusan dan penyelarasan terhadap projek-projek jabatan, penyediaan anggaran peruntukan, dokumen tawaran, pembayaran dan lain-lain yang berkaitan.



5. Membuat penyelarasan ke atas projek yang dikendalikan oleh konsultan.
6. Menyediakan sukatan pembayaran bagi kontrak-kontrak penggal yang telah siap.
7. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.